

Terma dan Syarat
Kempen Ulang Tahun ke-50 Perbankan Runcit
Tempoh Kempen: 1 Julai 2025 – 30 September 2025

PERINGATAN: Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah yang boleh didapati di www.ambank.com.my/bm/terms-and-conditions ("Terma dan Syarat"). Sekiranya Pelanggan Layak menghadapi kesukaran memahami mana-mana bahagian Terma dan Syarat di bawah, adalah sangat disarankan agar Pelanggan Layak mendapatkan penjelasan dengan berbincang bersama kakitangan Bank atau wakil yang diberi kuasa.

1. Definisi

- 1.1 Untuk tujuan terma dan syarat ini, perkataan dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya, melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya.

"Kumpulan AmBank" merujuk kepada semua Syarikat berkaitan dan Syarikat Bersekutu bagi Bank sama ada ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia, sedia ada sekarang atau pada masa hadapan dan rujukan kepada "Kumpulan AmBank" dalam Terma dan Syarat ini, hendaklah merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank.

"AmOnline" merujuk kepada perkhidmatan perbankan internet yang ditawarkan oleh Kumpulan AmBank kepada pelanggannya untuk melakukan transaksi perbankan melalui Internet selaras dengan terma dan syarat yang ditetapkan di <http://ambank.amonline.com.my>.

"Syarikat Bersekutu" hendaklah mempunyai maksud yang sama yang ditetapkan di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang mana berkenaan.

"Bank" merujuk kepada AmBank (M) Berhad [Registration No.: 19690100016 (8515-D)] dan AmBank Islamic Berhad [No. Pendaftaran: 199401009897 (295576-U)], kedua-dua syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

"Garis Asas" merujuk kepada Baki Purata Bulanan bagi bulan sebelum bulan penyertaan. Ia boleh dikira dengan jumlah semua baki penutup harian bulan dalam CASA/CASA-i Pelanggan yang Layak, dibahagikan dengan bilangan hari pada bulan yang sama.

"Kempen" merujuk kepada **"Kempen Ulang Tahun ke-50 Perbankan Runcit"** yang dianjurkan oleh Bank menurut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

"CASA/CASA-i" merujuk kepada Akaun Semasa/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i Pelanggan yang Layak yang dikekalkan dengan Bank. Produk yang ditawarkan di bawah kempen ini termasuk:

- (a) Akaun Simpanan Asas (dengan fi)
- (b) Akaun Simpanan Asas-i (dengan fi)
- (c) Akaun Simpanan Asas (tiada fi)
- (d) Akaun Simpanan Asas-i (tiada fi)
- (e) Akaun Penyimpanan TRUE
- (f) Akaun Penyimpanan-i TRUE;
- (g) Akaun Simpanan Harian
- (h) Akaun Simpanan Khas Family First
- (i) Akaun Simpanan Khas Family First-i
- (j) Akaun Simpanan eFlex
- (k) Akaun Simpanan-i eFlex
- (l) Akaun Simpanan-i AmWafeeq
- (m) Akaun Simpanan AmVault
- (n) Akaun Simpanan-i AmVault
- (o) Akaun Semasa Asas (dengan fi)
- (p) Akaun Semasa Asas-i (dengan fi)
- (q) Akaun Semasa Asas (tiada fi)
- (r) Akaun Semasa Asas-i (tiada fi)

Terma dan Syarat
Kempen Ulang Tahun ke-50 Perbankan Runcit
Tempoh Kempen: 1 Julai 2025 – 30 September 2025

- (s) Akaun Semasa AmStar
- (t) Akaun Semasa AmStar-i
- (u) Akaun Semasa AmPartner
- (v) Akaun Transaksi TRUE
- (w) Akaun Transaksi-i TRUE
- (x) Akaun Harian Family First
- (y) Akaun Harian Family First-i

“Kad Kredit/Kad Kredit-i” merujuk kepada Kad Kredit AmBank/Kad Kredit-i AmBank. Untuk tujuan kempen ini, Kad Kredit/Kad Kredit-i merujuk kepada Kad Layak berikut:

- (a) Kad Kredit AmBank SIGNATURE Priority Banking
- (b) Kad Kredit-i AmBank SIGNATURE Priority Banking Visa Infinite
- (c) Kad Kredit AmBank Visa Infinite
- (d) Kad Kredit-i AmBank Islamic Visa Infinite
- (e) Kad Kredit AmBank Enrich Visa Infinite
- (f) Kad Kredit AmBank Visa Signature
- (g) Kad Kredit-i AmBank Islamic Visa Signature
- (h) Kad Kredit AmBank Visa Signature BonusLink
- (i) Kad Kredit AmBank Platinum UnionPay
- (j) Kad Kredit AmBank Enrich Visa Platinum
- (k) Kad Kredit AmBank Visa Platinum
- (l) Kad Kredit-i AmBank Islamic Visa Platinum
- (m) Kad Kredit AmBank BonusLink Visa Platinum
- (n) Kad Kredit Cash Rebate Visa Platinum
- (o) Kad Platinum AmBank Islamic Al-Taslim Visa Platinum
- (p) Kad Kredit-i AmBank Islamic Visa Platinum CARz.

“DuitNow QR” merujuk kepada pembayaran melalui fungsi “Imbas QR” dalam aplikasi AmOnline yang dipautkan kepada CASA/CASA-i Pelanggan yang Layak.

“Hari” merujuk kepada Isnin hingga Jumaat dan pada bila-bila pejabat Bank yang berdaftar dibuka, kecuali dinyatakan sebaliknya.

“Penyertaan” merujuk penyertaan yang layak diperoleh dengan memenuhi kriteria dalam Klausa 4.2 yang memberikan hak kepada Pelanggan Yang Layak untuk melayakkan diri untuk hadiah Kempen.

“Dana Baru” bermaksud wang atau dana yang:

- (a) Tidak dipindahkan daripada mana-mana akaun deposit Bank/Kumpulan AmBank yang sedia ada;
- (b) Dipindahkan menerusi GIRO Antara Bank (IBG) atau Pindahan Dana Antara Bank (IBFT) daripada bank/institusi kewangan yang lain ke dalam CASA/CASA-i pelanggan.
- (c) Deposit dibuat melalui tunai atau cek ke dalam CASA/CASA-i pelanggan.

Nota: Cek yang dikeluarkan oleh Bank lain adalah tertakluk kepada penjelasan mereka dan hanya akan dianggap sebagai deposit oleh Pelanggan yang Layak setelah cek tersebut dijelaskan dan hanya dianggap jelas jika tidak dipulangkan atau tidak laku.

“BPB Tambahan” merujuk kepada BPB untuk bulan tolak Garis Asas.

“Baki Purata Bulanan (BPB)” merujuk kepada jumlah semua baki penutup harian bulan dalam CASA/CASA-i Pelanggan yang Layak, dibahagikan dengan bilangan hari pada bulan yang sama.

“Notis Awal” bermaksud notis oleh Bank berkenaan fakta-fakta tertentu atau berkenaan sesuatu keadaan yang tertentu yang diberi sekurang-kurangnya lima (5) hari kalendar di laman web Bank di www.ambank.com.my.

Terma dan Syarat
Kempen Ulang Tahun ke-50 Perbankan Runcit
Tempoh Kempen: 1 Julai 2025 – 30 September 2025

“Kadar Dasar Semalaman (OPR)” merujuk kepada kadar faedah utama yang ditetapkan oleh bank pusat negara, dalam kes Malaysia, Bank Negara Malaysia. Ia bertindak sebagai penanda aras untuk kadar faedah lain dalam ekonomi dan menandakan pendirian dasar monetari bank pusat. Pada asasnya, ini ialah kadar di mana bank perdagangan meminjam dan meminjamkan wang antara satu sama lain semalaman.

Perkataan yang menunjukkan seseorang hendaklah termasuk seseorang yang masih hidup dan, yang mana berkenaan, badan atau seseorang yang ditubuhkan atau tidak ditubuhkan. Perkataan yang membawa maksud tunggal juga hendaklah termasuk jamak dan sebaliknya. Perkataan yang membawa maksud jantina lelaki hendaklah termasuk jantina wanita dan neuter.

2. Tempoh Kempen

Kempen ini akan **bermula pada 1 Julai 2025 dan berakhir pada 30 September 2025** merangkumi kedua-dua tarikh (**“Tempoh Kempen”**). Pihak Bank mempunyai hak untuk mengubah atau meminda Tempoh Kempen dengan memberi Notis Awal. Kempen akan tertakluk kepada semakan segera sekiranya terdapat perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR).

3. Kelayakan

- 3.1 Semua pelanggan individu yang merupakan pemegang akaun utama yang memiliki CASA/CASA-i yang aktif (di sini disebut sebagai **“Pelanggan yang Layak”**) dengan Bank semasa Tempoh Kempen akan didaftarkan secara automatik untuk menyertai Kempen ini.
- 3.2 Kempen ini hanya terpakai kepada semua akaun CASA/CASA-i (yang dirujuk sebagai (**“Akaun Penyertaan”**))
- 3.3 Untuk layak dalam Kempen ini, semua akaun peserta mesti sah dan berada dalam keadaan baik yang akan ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya.
- 3.4 Akaun Pelanggan yang Layak yang digantung, dibatalkan atau dihentikan atas sebarang sebab semasa Tempoh Kempen atau sebelum menerima hadiah wang tunai, tidak akan berhak mendapatkan hadiah wang tunai dalam Kempen ini.
- 3.5 Kategori individu yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
- (a) Pelanggan bukan individu termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
 - Pemilikan tunggal/perkongsian; dan/atau
 - Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS); dan/atau
 - Organisasi bukan untung/badan amal/pertubuhan
 - (b) Pekerja Kumpulan AmBank tidak layak menyertai Kempen ini.
 - (c) Akaun Pelanggan dengan Bank yang diberikan kadar istimewa, tambahan atau keutamaan;
 - (d) Akaun Pelanggan dengan Bank yang tidak aktif atau yang telah melanggar perjanjian lain dengan Bank;
 - (e) Akaun Pelanggan yang dianggap tidak memuaskan, tidak sah atau dibatalkan.
- 3.6 Deposit yang dibuat di bawah Kempen ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

4. Mekanisme Kempen

- 4.1 Kempen ini akan dijalankan mengikut tempoh berikut dan tarikh yang sepadan:

Tempoh Kempen (Bulan)	Tarikh
1	1 Julai 2025 – 31 Julai 2025
2	1 Ogos 2025 – 31 Ogos 2025
3	1 September 2025 – 30 September 2025

Terma dan Syarat
Kempen Ulang Tahun ke-50 Perbankan Runcit
Tempoh Kempen: 1 Julai 2025 – 30 September 2025

- 4.2 Pelanggan yang layak memenuhi kriteria kelayakan seperti yang dinyatakan di bawah berhak mendapatkan hak penyertaan untuk memenangi hadiah ("Penyertaan") semasa Tempoh Kempen:

Jadual 1: Peruntukan Penyertaan

Kategori	Huraian	Bilangan Penyertaan
MEMOHON untuk PRODUK / PERKHIDMATAN BARU	[CASA/CASA-i] BUKA akaun AmBank CASA/CASA-i baru melalui AmOnline / Cawangan dalam tempoh kempen dengan Baki Akhir Bulan (" BAB ") RM100 minima dalam bulan pembukaan akaun	50 Penyertaan (Setiap Akaun)
	[Kad Kredit/Kad Kredit-i] Pelanggan Layak yang mendaftar untuk Kad Kredit/ Kad Kredit-i	50 Penyertaan (Kad Utama Sahaja)
	[Pindahan Baki/QuickCash] Pelanggan Layak yang memohon Pindahan Baki/QuickCash dengan minimum RM1,000	50 Penyertaan (Permohonan Berjaya)
	[Produk Kekayaan] Pelanggan Layak yang membeli sebarang pelaburan atau produk insurans / Takaful*	50 Penyertaan (setiap transaksi)
	[Produk Pinjaman/Pembiayaan] Pelanggan Layak yang mendaftar sebarang produk pinjaman/pembiayaan	50 Penyertaan (Permohonan Berjaya)
	Perbankan Prioriti AmBank/AmBank Islamic SIGNATURE (AmSPB) Pelanggan yang Layak mendaftar untuk keahlian AmSPB dan mengekalkan minima RM50,000 BPB dalam CASA/CASA-i bulan pendaftaran.	500 Penyertaan (Bonus Sekali Sahaja)
TRANSAKSI	DEPOSIT - Setiap kenaikan BPB sebanyak RM100	5 Penyertaan
	BAYAR melalui FPX dengan minimum RM100	5 Penyertaan
	BAYAR BIL melalui JomPAY dengan minimum RM50	5 Penyertaan
	BAYAR melalui Kad Kredit/Kad Kredit-i dengan minimum RM50	5 Penyertaan
	BAYAR melalui Kad Debit AmBank dengan minimum RM30	5 Penyertaan
	BAYAR melalui DuitNow QR Pay to Merchant (P2M) melalui AmOnline dengan minimum RM10	5 Penyertaan

* Terminologi konvensional terpakai untuk produk AmBank, manakala terminologi Islamik terpakai untuk produk AmBank Islamic.

Terma dan Syarat
Kempen Ulang Tahun ke-50 Perbankan Runcit
Tempoh Kempen: 1 Julai 2025 – 30 September 2025

	TAMBAH NILAI PRABAYAR melalui AmOnline dengan minimum RM10	5 Penyertaan
RUJUK	RUJUK rakan melalui AmOnline	50 Penyertaan (Rujukan Berjaya)
	RUJUK pelanggan Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE	50 Penyertaan (Rujukan Berjaya)

Nota¹: Baki akaun tambahan akan dikira berdasarkan BPB CASA/CASA-i pelanggan untuk bulan tolak bulan sebelum bulan penyertaan.

- 4.3 BPB tambahan adalah merujuk kepada perbezaan BPB semasa Tempoh Kempen berbanding dengan BPB dalam pada Garis Dasar.
- Pelanggan yang Baru dengan Bank: Garis Dasar = "0"
 - Pelanggan yang sedia ada dengan Bank: Garis Dasar = BPB untuk bulan sebelum bulan penyertaan.

Ilustrasi 1:

- Seorang Pelanggan yang Layak membuka CASA/CASA-i melalui AmOnline/Cawangan dan memindahkan gajinya sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000), membayar sebarang bil utiliti melalui JomPAY, berbelanja dengan Kad Debit AmBank, dan merujuk rakan dengan berkongsi kod rujukannya melalui AmOnline.
- Bilangan Penyertaan Diperoleh pada Tempoh Kempen Bulan 1 dikira seperti di bawah:

Kriteria Dipenuh	Bilangan Penyertaan Diperoleh
BUKA akaun AmBank CASA/CASA-i baru melalui AmOnline / Cawangan dalam tempoh kempen dengan Baki Akhir Bulan (" BAB ") RM100 minima dalam bulan pembukaan akaun	50 Penyertaan
DEPOSIT - setiap BPB tambahan ¹ RM100	250 Penyertaan (RM5,000 / RM100) x 5
BAYAR BIL melalui JomPAY dengan minimum RM50	5 Penyertaan
BAYAR melalui Kad Debit AmBank dengan minimum RM30	5 Penyertaan
RUJUK rakan melalui AmOnline	50 Penyertaan
Jumlah Penyertaan Diperoleh	360 Penyertaan

Ilustrasi 2:

- Seorang Pelanggan yang Layak memiliki CASA/CASA-i dengan Garis Dasar BPB Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500). Dalam Tempoh Kempen Bulan 3, Pelanggan yang Layak telah mendaftar keahlian AmSPB dan mengekalkan Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000) BPB dalam CASA/CASA-i. Pelanggan yang Layak tersebut juga membayar sebarang bil utiliti melalui JomPAY, berbelanja dengan Kad Debit AmBank.

Terma dan Syarat
Kempen Ulang Tahun ke-50 Perbankan Runcit
Tempoh Kempen: 1 Julai 2025 – 30 September 2025

ii. Bilangan Penyertaan Diperoleh pada Tempoh Kempen Bulan 3 dikira seperti di bawah:

Kriteria Dipenuhi	Bilangan Penyertaan Diperoleh
DEPOSIT – setiap BPB tambahan RM100	4,975 Penyertaan $[(RM100,000 - RM500) / RM100] \times 5$
Pelanggan yang Layak mendaftar untuk keahlian AmSPB dan mengekalkan minima RM50,000 BPB dalam CASA/CASA-i bulan pendaftaran.	500 Penyertaan
BAYAR BIL melalui JomPAY dengan minimum RM50	5 Penyertaan
BAYAR melalui Kad Debit AmBank dengan minimum RM30	5 Penyertaan
Jumlah Penyertaan Diperoleh	5,485 Penyertaan

4.4 Sekiranya Pelanggan yang Layak mempunyai lebih daripada satu (1) CASA/CASA-i, baki gabungan semua CASA/CASA-i pemegang akaun utama akan dikira untuk tujuan Kempen ini dan bilangan penyertaan hendaklah dikira dengan sewajarnya.

Contoh 1:

CASA/CASA-i	BPB (RM)
Akaun nama tunggal 1	500
Akaun gabungan utama bersama pelanggan A	1,500
Akaun gabungan kedua bersama pelanggan B	2,000
Akaun gabungan utama bersama pelanggan C	900
Jumlah	2,900

Contoh 2:

CASA/CASA-i	BPB (RM)
Akaun nama tunggal 1	500
Akaun-gabungan utama bersama pelanggan X	1,000
Akaun-gabungan utama bersama pelanggan Y	1,500
Akaun gabungan utama bersama pelanggan Z	2,000
Jumlah	5,000

5. Hadiah

5.1 Hadiah yang ditawarkan dan jumlah pemenang bagi setiap kategori hadiah adalah seperti berikut:

Kategori	Bulan Cabutan	Hadiah	Jumlah Pemenang bagi keseluruhan Tempoh Kempen
Hadiah Utama	September 2025	50.0g 999.9 wafer emas	3
Hadiah Kedua		20.0g 999.9 wafer emas	5

Terma dan Syarat
Kempen Ulang Tahun ke-50 Perbankan Runcit
Tempoh Kempen: 1 Julai 2025 – 30 September 2025

Hadiah Ketiga		10.0g 999.9 wafer emas	6
Hadiah Istimewa		5.0g 999.9 wafer emas	18
Hadiah Saguhati		1.0g 999.9 wafer emas	18

- 5.2 Hanya Pemenang untuk Hadiah Utama, Hadiah Kedua, Hadiah Ketiga, Hadiah Istimewa dan Hadiah Saguhati layak mendapat hanya satu (1) hadiah sepanjang Tempoh Kempen.
- 5.3 Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan kredit atau apa-apa jenis lain yang sedemikian.
- 5.4 Untuk memenuhi syarat sebagai pemenang berpotensi yang disenarai pendekkan bagi mana-mana kategori Hadiah, mana-mana Pelanggan Yang Layak mesti mengekalkan baki agregat minimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) pada hujung bulan (iaitu jumlah baki hujung bulan semua CASA/CASA-i bagi Pemegang Akaun Utama) bersama dengan sekurang-kurangnya satu (1) Penyertaan yang terkumpul oleh Pelanggan Yang Layak.
- 5.5 Untuk melayakkan diri untuk Cabutan Hadiah Utama, Hadiah Kedua, Hadiah Ketiga, Pelanggan yang Layak dikehendaki mempunyai BPB Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) minima pada tempoh kempen bulan terakhir.

6. Pemilihan Pemenang

(A) Hadiah Utama / Hadiah Kedua / Hadiah Ketiga

- 6.1 Sistem Bank akan menetapkan nombor bersiri unik bagi setiap Penyertaan yang diperoleh oleh semua Pelanggan Yang Layak semasa Tempoh Kempen, yang kemudiannya digunakan untuk menyusun semua Penyertaan dalam turutan menaik. Kemudian, setiap Penyertaan kemudiannya dinomborkan secara berurutan mulai dari satu (1) untuk nombor siri dengan nilai terendah ("**Nombor Berurutan**").
- 6.2 Dua Puluh (20) Pelanggan yang Layak akan disenarai pendek untuk setiap Hadiah ("**Pemenang Berpotensi**"). Berdasarkan nombor siri unik yang diberikan.
- 6.3 Pemenang Berpotensi yang disenarai pendek dengan Nombor Berurutan terendah akan dihubungi untuk sesi Soal dan Jawab melalui panggilan telefon yang direkodkan ("**S&J Telefon**") melalui nombor mudah alih mereka yang diselenggara dalam sistem Bank, antara jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang dari hari Isnin hingga Jumaat (kecuali hari cuti umum), dalam tempoh lima belas (15) minggu dari 30 September 2025, mengikut budi bicara Bank.
- 6.4 Pemenang Berpotensi yang disenarai pendek akan dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul untuk dipilih sebagai Pemenang Hadiah Hadiah Utama / Hadiah Kedua / Hadiah Ketiga. Pihak Bank akan membuat tiga (3) percubaan untuk menghubungi Pemenang Berpotensi. Sekiranya percubaan hubungan pertama gagal atas sebab-sebab seperti panggilan tidak dijawab, nombor mudah alih tidak berada dalam perkhidmatan, tiada sambungan atau apa-apa sebab sedemikian, maka pihak Bank akan membuat dua (2) lagi percubaan pada masa tersedia yang seterusnya mengikut budi bicara Bank. Sekiranya percubaan terakhir juga gagal, maka Pemenang Berpotensi yang disenarai pendek akan disingkirkan daripada memenangi Hadiah tersebut. Pemenang Berpotensi yang berikutnya dengan Nombor Berurutan terendah daripada senarai Pemenang Berpotensi akan dihubungi kemudiannya untuk peluang memenangi Hadiah tersebut.
- 6.5 Sekiranya Pemenang Berpotensi yang disenarai pendek tersebut gagal menjawab S&J Telefon dengan betul, maka Pemenang Berpotensi yang disenarai pendek itu akan hilang kelayakan

Terma dan Syarat
Kempen Ulang Tahun ke-50 Perbankan Runcit
Tempoh Kempen: 1 Julai 2025 – 30 September 2025

daripada menang dan Pemenang Berpotensi yang berikutnya akan dihubungi untuk peluang memenangi hadiah tersebut.

- 6.6 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa panggilan telefon yang dibuat kepada Pemenang Berpotensi yang disenarai pendek yang tidak lengkap, terputus, tidak dijawab, atau tidak terdapatnya Pemenang Berpotensi tersebut pada tarikh dan masa yang ditetapkan dan/atau disebabkan oleh apa-apa sebab lain sedemikian.

(B) Hadiah Istimewa/Hadiah Saguhati

- 6.7 Pemenang akan dipilih melalui cabutan rawak daripada kumpulan jumlah Penyertaan yang oleh Bank. Pihak Bank akan memaklumkan pemenang hadiah untuk Cabutan melalui SMS / surat elektronik dan lain-lain berdasarkan butir-butir hubungan mereka yang dikekalkan dalam sistem Bank. Walau apa pun yang disebut di atas, Bank berhak untuk menggunakan mana-mana medium atau kaedah lain, termasuk laman web Bank di www.ambank.com.my untuk tujuan mengumumkan pemenang.

7. Pemenang Hadiah

- 7.1 Keputusan semua pemenang akan diumumkan dalam tempoh lima belas (15) minggu dari tarikh penutupan Penyertaan Hadiah yang berkaitan untuk pengiraan pemenang.
- 7.2 Semua pemenang mungkin dikehendaki untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau program publisiti lain dengan kos dan perbelanjaan mereka sendiri dan apabila diperlukan seperti yang diberitahu oleh Bank melalui panggilan telefon dan/atau surat elektronik berhubung dengan tarikh, masa dan tempat majlis penyampaian hadiah dan/atau program publisiti yang lain. Bank akan membuat tiga (3) percubaan untuk menghubungi Pemenang.
- 7.3 Jika pemenang gagal dihubungi selepas percubaan ini, Bank tidak akan membuat percubaan lagi untuk menghubungi pemenang atau jika pemenang berjaya dihubungi tetapi gagal menghadiri majlis dan/atau program sedemikian tanpa sebab yang sah, Bank berhak untuk membatalkan Hadiah Pemenang.
- 7.4 Bank dengan ini tidak bertanggungjawab bagi apa-apa tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah-hadiah atau penggunaannya. Sekiranya terdapat apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau bayaran cukai (sekiranya ada) kepada jabatan berkuasa yang berkenaan lanjutan daripada penerimaan hadiah-hadiah ianya tetap dibawah tanggungjawab pemenang-pemenang sepenuhnya. Pemenang Hadiah dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat cukai bebas mengenai kemungkinan tanggungjawab cukai yang berkaitan dengan situasi kewangan mereka.
- 7.5 Pemenang hendaklah bertanggungjawab untuk membayar sebarang cukai, kos sampingan dan/atau sebarang caj lain yang berkaitan dengan hadiah-hadiah melainkan dinyatakan sebaliknya. Pihak Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang cukai.
- 7.6 Bank berhak untuk mengubah atau menukar ke sebarang bentuk ganjaran yang sama amaun dan Pelanggan Yang Layak akan diberitahu dengan Notis Terdahulu melalui cara komunikasi yang ditetapkan di dalam Kempen ini.
- 7.7 Hadiah tidak boleh ditukar atau dipindah milik dengan wang tunai, kredit atau sejenisnya. Hadiah yang dipaparkan di laman web promosi adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan reka bentuk asal mungkin berbeza.
- 7.8 Pelanggan Yang Layak bertanggungjawab untuk membayar sebarang kos penghantaran, caj perkhidmatan dan/atau caj lain yang berkaitan dengan hadiah untuk penghantaran kali kedua. Bank hanya bertanggungjawab untuk kos penghantaran, caj perkhidmatan, kos sampingan dan/atau caj lain yang berkaitan dengan hadiah untuk penghantaran kali pertama sahaja.
- 7.9 Bank menolak apa-apa liabiliti, tanggungjawab atau kewajipan berkaitan dengan hadiah dan tidak membuat representasi atau jaminan terhadap kualiti hadiah tersebut dan tidak akan

Terma dan Syarat
Kempen Ulang Tahun ke-50 Perbankan Runcit
Tempoh Kempen: 1 Julai 2025 – 30 September 2025

bertanggungjawab untuk menggantikan hadiah yang hilang, dicuri atau rosak disebabkan oleh kecacatan bahannya atau pembuatannya oleh pengilang sama ada di bawah jaminan atau tidak. Pelanggan Yang Layak hendaklah berurusan terus dengan pengeluar dan/atau wakil jualannya yang sah untuk maklumat jaminan, tuntutan dan/atau terma dan syarat yang berkaitan khusus dengan hadiah.

8. Hilang Kelayakan

- 8.1 Bank berhak membatalkan penyertaan dan/atau transaksi mana-mana Pelanggan Yang Layak untuk tujuan Kempen ini tanpa perlu memberitahu Pelanggan Yang Layak sekiranya:
- Transaksi yang mencurigakan diterima pada mana-mana peringkat Kempen dan/atau selepas Tempoh Kempen yang ditetapkan; atau
 - CASA/CASA-i Pelanggan Yang Layak memungkirkan pinjaman yang diberikan pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen; atau
 - CASA/CASA-i Pelanggan Yang Layak ditutup sebelum pemberitahuan pemenang oleh Bank; atau
 - Pelanggan Yang Layak telah memberikan maklumat yang tidak benar, menipu atau tidak bertindak dengan niat baik dalam apa-apa cara semasa Tempoh Kempen; atau
 - Pelanggan Yang Layak telah melanggar mana-mana terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini.

9. Umum

- 9.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dinasihati untuk membaca dan memahami terma dan syarat di sini, untuk membaca bersama dengan:
- Terma dan Syarat Umum untuk Akaun dan Perkhidmatan
 - Terma dan Syarat Khusus Bagi Akaun Semasa-i/Akaun Simpanan-i Berasaskan Komoditi Murabahah (hanya untuk Akaun Semasa-i dan Simpanan-i AmBank Islamic sahaja)
 - Pengakuan dan Terma dan Syarat untuk Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i dan/atau Akaun Semasa/Akaun Semasa-i melalui Elektronik (AmOnline)

Pelanggan yang Layak dikehendaki log masuk ke laman web rasmi Bank melalui <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> kerana penyertaan dalam Kempen ini mewakili penerimaan anda kepada Terma dan Syarat ini dan Terma dan Syarat Am. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara semua Terma dan Syarat ini, Terma dan Syarat yang terkandung di sini akan diguna pakai berhubung dengan Kempen ini.

- 9.2 Pelanggan yang Layak diminta untuk melaksanakan semua dokumen yang relevan dan menatuhi semua syarat dan ketentuan sehubungan dengan pelaburan mereka dalam produk yang relevan di bawah kempen, yang sebagai tambahan dan terpisah dari terma dan syarat ini.
- 9.3 Tawaran Kempen adalah tidak sah dengan mana-mana promosi atau kempen lain yang ditawarkan oleh Bank dan tiada kadar istimewa, tambahan atau keutamaan lain akan diberikan di bawah Kempen ini.
- 9.4 Bank mempunyai hak dan budi bicara untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah ke atas mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini, secara keseluruhan atau mana-mana bahagian dari semasa ke semasa termasuk mengubah Tempoh Kempen, dengan memberikan Notis Terdahulu. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan, atau penggantungan oleh Bank terhadap Kempen ini tidak akan memberi hak kepada Pelanggan Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank bagi sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai hasil langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan, atau penggantungan tersebut. Pengecualian ini terpakai kecuali dalam kes di mana kerugian atau kerosakan tersebut secara langsung disebabkan oleh kecuriaan sengaja, penipuan, kecuriaan melampau, salah nyata, atau pelanggaran undang-undang oleh Bank.
- 9.5 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan Bank tidak melanggar terma dan syarat Kempen ini seperti yang terkandung di sini, Bank boleh mengubah/menyemak/meminda

Terma dan Syarat
Kempen Ulang Tahun ke-50 Perbankan Runcit
Tempoh Kempen: 1 Julai 2025 – 30 September 2025

mekanisme/proses/syarat pemilihan Kempen sebagaimana yang difikirkannya wajar pada bila-bila masa dengan Notis Terdahulu.

- 9.6 Bank mempunyai hak, pada bila-bila masa, untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan Notis Terdahulu.
- 9.7 Melainkan dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat yang terkandung di dalam ini, termasuk apa-apa pindaan ke atasnya, akan mengatasi mana-mana peruntukan dan/atau perwakilan lain yang terkandung dalam mana-mana notis/promosi/bahan pengiklanan lain untuk Kempen ini.
- 9.8 Keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan dengan kelayakan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat semua Pelanggan yang Layak yang mengambil bahagian.
- 9.9 Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami seperti kehilangan pendapatan atau keuntungan, atau kerugian/kerosakan secara tidak langsung, ganti rugi kecil, kerosakan berbangkit, ganti rugi teladan, ganti rugi punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga, yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen, kecuali jika kehilangan atau kerosakan sedemikian disebabkan secara langsung oleh kecuai melampau, keingkaran sengaja, atau fraud oleh Bank.
- 9.10 Sejauh yang diizinkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak apabila berlaku peristiwa Force Majeure. "Force Majeure" merujuk kepada kejadian dan/atau keadaan yang tidak berada dalam kendali Bank yang wajar, yang tidak dapat dicegah, dihindari atau dihapuskan oleh Bank yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada bencana alam seperti banjir, taufan, ribut, badai, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, penenggelaman atau tanah atau bumi atau tindakan pergolakan awam seperti mogok, penguncian, gangguan industri, rusuhan, peperangan yang masing-masing berada di luar kawalan mana-mana pihak atau kejadian, keadaan, atau keadaan yang serupa dengan yang mungkin diklasifikasikan sebagai Force Majeure oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 9.11 Terma dan syarat ini boleh didapati dalam versi Bahasa Inggeris.
- 9.12 Semua pertikaian berkenaan pentafsiran, keesahan, penguatkuasaan dan interpretasi terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini akan ditadbir, ditafsirkan dan dikuatkuasa menurut undang-undang Malaysia. Pelanggan yang Layak dengan ini bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia berhubung apa-apa guaman, tindakan atau prosiding lain yang timbul daripada atau berdasarkan terma dan syarat di dalam ini.
- 9.13 Pelanggan yang Layak dikehendaki untuk log masuk ke laman web korporat Bank untuk maklumat terkini Kempen di www.ambank.com.my/AmRewards untuk terma dan syarat yang terkini, jika ada.
- 9.14 Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas yang berkaitan dengan Kempen ini, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank dari 7.00 pagi hingga 11.00 malam, Isnin hingga Ahad di talian 03-2178 8888 atau e-mel kepada customercare@ambankgroup.com.